



PENYEMBUR beruang yang digunakan penyewa rumah terbabit.



PENYEWAWA 'HALAU BERUANG'



Nor Azidah Mokhtar
news@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Pedih melampau hingga bercucuran air mata tidak berhenti. Itu nasib dialami sekumpulan lapan anggota polis dan empat anggota bomba yang diserang dengan semburan lada hitam.

Dalam kejadian jam 4.56 petang kelmarin, semua mangsa diserang seorang penghuni sebuah unit kondominium di Mont Kiara, Jalan Dutamas di sini.

Difahamkan kejadian berlaku apabila sepasukan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Sri Hartamas pergi ke lokasi untuk

khidmat khas membantu polis memecah pintu sebuah unit kediaman di situ.

Ia susulan penyewanya warga Amerika Syarikat enggan memberi kerjasama kepada pemilik rumah berkenaan.

Difahamkan, pemilik rumah yang juga suami isteri datang ke kediaman itu pada jam 2.30 petang untuk menukar mangga kunci selepas penghuni diarah mengosongkan kediaman kelmarin.

Bagaimanapun ketika cuba membuka pintu, pasangan itu disembur cecair misteri yang menyebabkan mereka berasa pedih mata dan kulit.

Ketua Polis Daerah Sentul Asisten Komisiner R Munusamy berkata, terkejut dengan tindakan agresif